

Malaysian Technical University Network

MTUN



**DANA PENGKOMERSIALAN *MALAYSIAN TECHNICAL
UNIVERSITY NETWORK (MTUN)*
*NETWORK (MTUN)***

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN
(DANA PENGKOMERSIALAN)**

PINDAAN 2020

**DANA PENGKOMERSIALAN MALAYSIAN TECHNICAL UNIVERSITY
NETWORK (MTUN)**
GARIS PANDUAN PERMOHONAN GERAN PENGKOMERSIALAN

1.0 TUJUAN

Dana pengkomersialan ini bertujuan untuk membantu penyelidik dalam menjalankan aktiviti pengkomersialan terutamanya dalam menghasilkan produk/output daripada penyelidikan yang telah mencapai sekurang-kurangnya Tahap Ketersediaan Teknologi (TRL) 6 dalam jumlah yang bersesuaian agar ianya dapat dipasarkan kepada pengguna atau dinikmati oleh masyarakat. Aktiviti yang tergolong dalam permohonan geran pengkomersialan termasuk pembuatan (*manufacturing*), pembangunan sistem (*system development*), ujian pasaran (*market testing*), pembungkusan (*packaging*), dan panduan penggunaan (*manual*).

2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 2.1** Staf akademik bertaraf tetap/kontrak dan sekurang- kurangnya gred DS45. Bagi staf kontrak, permohonan perlu mempunyai ahli staf akademik yang bertaraf tetap dan mempunyai kapakaran dalam projek yang dilaksanakan.
- 2.2** Staf yang bercuti belajar atau staf yang tidak aktif tidak dibenarkan untuk menjadi ketua projek, tetapi boleh dilantik sebagai ahli projek.
- 2.3** Setiap permohonan mestilah mempunyai kerjasama dengan pihak industri atau sebarang bukti bagi menunjukkan kebolehkomersialan produk atau teknologi tersebut. Contoh dokumen yang perlu dilampirkan ialah surat niat (LOI) atau memorandum persetujuan atau persefahaman.
- 2.4** Dana yang diberikan mestilah digunakan bagi aktiviti pengkomersialan di Malaysia.
- 2.5** Kos yang digunakan dalam dana ini akan dianggap sebagai "*Overhead Cost*" projek dan akan dikira dalam pengiraan kos untuk pengkomersialan. Walaubagaimanapun, pengiraannya bukanlah dalam bentuk "*lump sum*", tetapi berdasarkan nisbah "*break-even*" yang akan ditentukan oleh pejabat pengkomersialan universiti mengikut sifat produk dan teknologi yang dikomersialkan.

- 2.6** Penilaian permohonan dana pengkomersialan MTUN dilaksanakan secara **pembentangan**. Ketua Penyelidik/Ahli perlu hadir untuk tujuan ini. Wakil tidak dibenarkan.
- 2.7** Permohonan mestilah tidak melebihi siling dana pengkomersialan MTUN iaitu RM50,000.00. Kelulusan permohonan peruntukan projek melebihi siling tertakluk kepada panel Jawatankuasa Penilaian di peringkat universiti.

3.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

- 3.1** Tempoh menjalankan penyelidikan adalah **18 bulan sahaja**.
- 3.2** Pelanjutan tempoh adalah **tidak dibenarkan**. Sekiranya perlu, keputusan pelanjutan adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Pengurusan Penyelidikan di peringkat universiti MTUN masing-masing.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

4.1. *Vot 11000 - Upah dan Elaun Pembantu Penyelidik*

Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) warganegara Malaysia sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300.00 untuk pelajar Ph.D dan RM1,800.00 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

4.2. *Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan*

- a)** Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
- b)** Perjalanan untuk menghadiri pameran adalah dibenarkan dengan kelulusan daripada Pengarah RMC/ICC. Hasil atau output pameran perlu dibentangkan di dalam laporan bagi tujuan tuntutan.
- c)** Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 15% daripada jumlah keseluruhan projek.
- d)** Perjalanan ke luar negara adalah **tidak dibenarkan**.

4.3. Vot 24000 - Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan pembangunan dan pengeluaran projek.

4.4. Vot 27000 - Bekalan dan Bahan Penyelidikan

- a) Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan pembangunan dan pengeluaran projek sahaja dibenarkan.
- b) Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 75% daripada jumlah geran.

4.5. Vot 28000 - Baik pulih kecil dan ubahsuai

- a) Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- b) Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

4.6. Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

- a) (Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis) Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek yang dikomersialkan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan.
- b) Pembayaran bagi pendaftaran harta intelek dibenarkan tanpa had. Manakala bayaran berkala hendaklah ditanggung oleh pihak universiti.
- c) Pembayaran khidmat profesional kepada ahli kolaborasi industri adalah tidak dibenarkan.

4.7 Vot 35000 - Aksesori dan Peralatan

- a) Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek yang hendak dikomersialkan sahaja dibenarkan. Perlu disertakan sebut harga dan justifikasi permohonan.
- b) Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% dari peruntukan geran.

5.0 PEMANTAUAN

5.1 Laporan Prestasi

Hendaklah di majukan ke pihak pengurusan dana setiap tiga (3) bulan.

5.2 Lawatan dan Pembentangan Projek

Pemantauan lawatan tapak projek perlu dilaksanakan minimum dua (2) kali sepanjang tempoh projek. Kaedah pemantauan lawatan tapak perlu diwakili oleh semua MTUN dan mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa MTUN.

5.3 Laporan Akhir/ Laporan Teknikal

Mengemukakan laporan akhir/ laporan teknikal tidak lebih dua (2) bulan selepas tempoh tamat projek.

5.4 Jadual Pemantauan

Penyelidik perlu mematuhi jadual pemantauan projek seperti berikut;

TEMPOH	KETERANGAN
Projek 18 bulan	<ul style="list-style-type: none"> i. Laporan Kemajuan Projek I (3 bulan) ii. Laporan Kemajuan Projek II dan Lawatan 1 ke lokasi (6 bulan) iii. Laporan Kemajuan Projek III (9 bulan) iv. Laporan Pembentangan Prestasi (12 bulan) iaitu berakhir tahun pertama v. Laporan Kemajuan Projek V (15 bulan) vi. Laporan Akhir Projek dalam bentuk profil penyelidikan (5 muka surat) dan lawatan ke lokasi (18 bulan) iaitu akhir tahun kedua

6.0 HASIL PENGKOMERSIALAN

Hasil yang disebutkan di sini merujuk kepada hasil pengeluaran produk yang dibiayai oleh Dana Pengkomersialan MTUN. Penyelidik wajib menghasilkan salah satu output sepetimana yang dinyatakan di bawah.

6.1 Output projek

a) Produk, proses atau pengetahuan teknologi yang boleh dikomersialkan

Tahap Ketersediaan Teknologi (TRL) bagi projek perlulah ditingkatkan daripada tahap asal ketika permohonan dana dikemukakan. Pengesahan daripada pihak industri dan pengguna perlu didapatkan melalui pembuktian jualan atau laporan kaji selidik kebolehpasaran produk yang dihasilkan.

b) Manual produk/teknologi

Manual produk atau teknologi yang dihasilkan digalakkan untuk diterbitkan dengan nombor pendaftaran ISBN. Manual yang disediakan perlulah lengkap dengan menunjukkan cara penggunaan produk atau teknologi yang berkaitan. Penghargaan kepada MTUN dan KPM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam manual yang disediakan.

c) Harta Intelek (IP)

Ketua projek diwajibkan untuk membentangkan hasil produk / teknologi yang dihasilkan untuk penentuan jenis harta intelek dan mendapat pengesahan Jawatankuasa Penilaian Harta Intelek Universiti. Ketua projek perlu mematuhi saranan jawatankuasa tersebut bagi tujuan pendaftaran harta intelek.

d) Video Promosi dan Pembangunan produk

Ketua projek perlu menyediakan dua (2) video pendek; satu (1) bagi tujuan promosi dan satu (1) bagi menunjukkan pembangunan dan perjalanan projek; berdurasi 3-5 minit semasa sesi pembentangan laporan akhir. Kedua-dua video perlu diluluskan oleh pihak jawatankuasa penilai bagi tujuan penutupan geran. Video tersebut boleh digunakan oleh pihak universiti dan industri untuk tujuan promosi.

- 6.2** Petunjuk Prestasi Utama (KPI) iaitu indikator pencapaian paling penting di dalam dana pengkomersialan MTUN ialah “Pengkomersialan” samada melalui Jualan, Perjanjian Perlesenan, Perjanjian Jualan Terus atau mana-mana kaedah lain yang difikirkan sesuai.
- 6.3** Hasil pengkomersialan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersialan yang berkuatkuasa di universiti pemohon.
- 6.4** Hasil adalah adalah hakmilik universiti pemohon projek. Walaubagaimanapun pihak Pereka/Penyelidik berhak menggunakan untuk sebarang tujuan pengkomersialan. Pereka/Penyelidik tidak berhak untuk berbincang mengenai harga untuk tujuan pengkomersialan tanpa merujuk kepada pejabat yang dipertanggungjawabkan oleh pihak universiti.

7.0 TANGGUNGJAWAB KETUA PROJEK


- 7.1** Ketua Projek haruslah bertanggungjawab dalam memastikan penyelidikan dijalankan secara efektif berdasarkan objektif, jangka masa dan peruntukan geran yang diberikan. Ketua Projek hendaklah menandatangani Borang Aku Janji Geran Pengkomersialan MTUN.
- 7.2** Kelulusan Jawatankuasa Etika manusia/haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama.

- 7.3** Kegagalan Ketua Projek mematuhi peraturan/garis panduan boleh menyebabkan pihak universiti mengenakan tindakan berdasarkan kepentingan universiti.

**8.0 TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN DANA
PENGKOMERSIALAN UNIVERSITI**

- 8.1** Pelaksanaan program/projek mesti dilakukan pada tahap etika dan integriti yang tinggi. Sebarang isu plagiarisme akan dikenakan penalti.
- 8.2** Setiap universiti perlu memastikan semua projek/program perlu mencapai prestasi kewangan yang memuaskan berdasarkan *milestone*.
- 8.3** Prestasi projek perlu mencapai hasil yang telah ditetapkan dalam cadangan yang telah diluluskan.
- 8.4** Pihak pengurusan dana perlu mengenal pasti projek lewat jadual/bermasalah dan boleh memberi Ketua Projek tempoh 3 bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan.
- 8.5** Ketua Projek yang telah dikenal pasti bermasalah akan **disenaraihitamkan bagi tempoh 2 tahun** sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN DANA PENGKOMERSIALAN MTUN



Malaysian Technical University Network

MTUN



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UTeM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA MELAKA

Universiti
Malaysia
PAHANG

U-MAP

DANA PENGKOMERSIALAN *MALAYSIAN TECHNICAL UNIVERSITY NETWORK (MTUN)*

TADBIR URUS PROJEK PENGKOMERSIALAN

**DANA PENGKOMERSIALAN MALAYSIAN TECHNICAL UNIVERSITY NETWORK
(MTUN) TADBIR URUS PROJEK PENGKOMERSIALAN**

1. KAEADAH PEMILIHAN/PENGANUGERAHAN GERAN

Secara umum, terdapat dua (2) peringkat yang terlibat dalam pemilihan/penganugerahan geran di MTUN. Semua permohonan memerlukan Ketua Projek mengisi cadangan maklumat projek di sistem pengurusan geran atas talian.

1.1. Peringkat 1: Penilaian peringkat fakulti/pusat

- i) Penawaran permohonan geran pengkomersialan kompetitif tertakluk kepada tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Pusat Pengurusan Geran Pengkomersialan MTUN.
- ii) Penilaian di peringkat fakulti/pusat diperlukan bagi permohonan geran-geran yang kompetitif. Sokongan di peringkat fakulti/pusat diperlukan sebelum permohonan dimajukan ke Pusat Pengurusan Geran Pengkomersialan MTUN.
- iii) Semua permohonan akan dinilai dan disahkan melalui mesyuarat jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Geran Pengkomersialan di setiap MTUN.

1.2. Peringkat 2: Penilaian peringkat Pusat Pengurusan Geran Pengkomersialan MTUN dan TNCPI.

- i) Pembentangan *proposal* projek adalah **DIMESTIKAN** bagi permohonan dana pengkomersialan seperti yang ditetapkan oleh pengurusan tertinggi MTUN.
- ii) Pembentangan akan dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Geran MTUN dan dibantu oleh Timbalan Pengarah serta Timbalan Pengarah (Penyelidikan atau Pembangunan) setiap MTUN masing-masing.
- iii) Antara kriteria penilaian adalah;
 - a) Melibatkan penghasilan sekurang-kurangnya satu perkara berikut:
 - Pembuatan product (*Product manufacturing*)
 - Pembangunan sistem (*System development*)
 - Ujian pasaran (*Market testing*)
 - Pembungkusan (*Packaging*),

- Panduan penggunaan (*Manual*),
 - Video promosi produk (*Product promotional video*)
 - b) Kriteria yang akan dinilai adalah seperti berikut:
 - Telah tamat proses penyelidikan.
 - Tahap minimum Technology Readiness Level (TRL) ialah 6 (enam), iaitu telah dapat berfungsi dari segi sistem demonstrasi prototaip dalam persekitaran berkaitan (TRL 6: *technology demonstrated in relevant environment*).
 - Proses pembuatan akhir yang jelas.
 - Sasaran pasaran produk yang jelas.
 - Mempunyai kerjasama dengan pihak industri yang benar-benar berminat adalah satu kelebihan.
 - Mempunyai Business Model Canvas (BMC).
 - Telah membuat anggaran penggiraan keseluruhan kos dan keuntungan untuk pengkomersialan.
 - c) Produk yang ingin dihasilkan mestilah:
 - Memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat;
 - Berpotensi untuk menjana industri berdasarkan ilmu/pengetahuan baru; dan
 - Berpotensi untuk menyumbang kepada penjanaan pendapatan universiti.
 - iv) Hasil dapatan pembentangan akan dilaporkan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) di setiap MTUN bagi kelulusan peringkat akhir.
- 1.3. Carta alir proses penilaian dana pengkomersialan MTUN seperti di **Lampiran 1**.

2. PEMANTAUAN GERAN PENGKOMERSIALAN

2.1. Pemantauan Prestasi Projek

- a) Pemantauan prestasi projek dilaksanakan setiap tiga (3) bulan dari tarikh projek bermula.
- b) Laporan Prestasi Projek perlu dikemukakan ke Pusat Pengurusan Geran Pengkomersialan MTUN mengikut sela masa yang ditetapkan iaitu setiap Julai (tahun semasa), Oktober (tahun semasa), Januari (tahun semasa) dan April (tahun semasa),

- c) Ringkasan laporan prestasi projek di setiap MTUN perlu dihantar kepada Urus setia Dana Pengkomersialan MTUN setiap tiga (3) bulan dan laporan akhir selepas projek tamat akan dibentangkan di JPT oleh TNCPI setiap MTUN.
- d) Sekiranya Ketua Projek gagal mematuhi pelaporan ini, status geran pengkomersialan secara automatik akan ditukar daripada “Sedang Berjalan” kepada “Ditahan”.
- e) Carta alir proses pemantauan prestasi projek seperti di **Lampiran 2**.

2.2. Pemantauan Prestasi Kewangan Projek

- a) Mesyuarat Jawatankuasa MTUN telah bersetuju dengan cadangan Jadual Anggaran Prestasi Perbelanjaan Geran Pengkomersialan iaitu seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 – Jadual Anggaran Prestasi Perbelanjaan Geran Pengkomersialan

Tempoh Projek telah berjalan (bulan)	4	8	12	18
Peratus Belanja	25%	50%	75%	100%

- b) Pemantauan prestasi kewangan projek dijalankan setiap tiga (3) bulan melalui Taklimat Pemantauan Perbelanjaan Geran yang dijadualkan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
- c) Taklimat difokuskan kepada Ketua Projek yang telah dikategorikan sebagai prestasi belanja “Dalam Perhatian” dan “Bahaya”. Jadual kategori prestasi belanja seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2 – Kategori Prestasi Perbelanjaan Projek Pengkomersialan

RANKING	KOD WARNA	PERATUS TEMPOH GERAN BERJALAN (TGB)	PERATUS BELANJA (%)
1	CEMERLANG	$\left[\frac{\text{Tempoh Geran Berjalan (bulan)}}{\text{Tempoh Asal Geran (bulan)}} \right] \times 100\%, \text{TGB} < 50\%$	> 50%
2	BAIK	$\left[\frac{\text{Tempoh Geran Berjalan (bulan)}}{\text{Tempoh Asal Geran (bulan)}} \right] \times 100\%, \text{TGB} \geq 50\%$	> 50%
3	SEDERHANA	$\left[\frac{\text{Tempoh Geran Berjalan (bulan)}}{\text{Tempoh Asal Geran (bulan)}} \right] \times 100\%, \text{TGB} < 50\%$	< 50%
4	DALAM PERHATIAN	$\left[\frac{\text{Tempoh Geran Berjalan (bulan)}}{\text{Tempoh Asal Geran (bulan)}} \right] \times 100\%, \text{TGB} \geq 50\%$	< 50%
5	BAHAYA	Tempoh Geran Berjalan = Tempoh Asal Geran, TGB = 100%	< 50%

3. PROJEK PENGKOMERSIALAN TIDAK CAPAI KPI


- 3.1. MTUN telah menyediakan Garis Panduan Pemantauan Geran Pengkomersialan.
- 3.2. Penilaian KPI projek pengkomersialan adalah seperti hasil penghasilan, penjualan, pemasaran serta harta intelek. KPI ini juga akan merujuk kepada keperluan yang telah ditetapkan oleh JPT.
- 3.3. Tindakan kepada Ketua Projek yang tidak mencapai KPI adalah seperti berikut;
 - a) Status projek pengkomersialan di dalam sistem pengurusan geran atas talian ditukar daripada “Selesai-hantar” kepada “Bermasalah”
 - b) Senarai projek bermasalah akan dirujuk kepada Bahagian Perundangan setiap MTUN untuk tindakan selanjutnya.
- 3.4. Pusat Pengurusan Dana Pengkomersialan MTUN boleh melaksanakan tindakan berikut kepada Ketua Projek yang bermasalah, antaranya;

Menahan data pengkomersialan Ketua Projek daripada diambil kira untuk Laporan Penilaian Prestasi Tahunan /Laporan Penerbitan / Laporan Pengkomersialan.

- a) Menyenaraihitamkan Ketua Projek yang bermaksud Ketua Projek tidak boleh memohon sebarang geran penyelidikan atau pengkomersialan baharu (geran dalam dan luar) dan tidak boleh menjadi Ketua Penyelidik / Projek baharu sehingga penyelidikan/projek yang bermasalah diselesaikan terlebih dahulu. Tindakan ini boleh membawa kesan kepada prestasi penyelidik contohnya kenaikan pangkat dan sebagainya.
- b) Melaksanakan tindakan yang termaktub dalam perjanjian, sekiranya didapati berlakunya pelanggaran terhadap perjanjian yang ditandatangani.
- c) Mengesyorkan arahan tuntutan ganti rugi kepada pihak yang berkaitan
- d) Mengesyorkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelanggaran etika dan isu-isu yang melibatkan integriti, kecuaian, tidak bertanggungjawab dan sebagainya kepada pihak yang berkaitan.

3.5. Carta alir Laporan Akhir Projek adalah seperti Lampiran 3.


LAMPIRAN 1
PENILAIAN PERMOHONAN
DANA PENGKOMERSIALAN MTUN



LAMPIRAN 2

PEMANTAUAN GERAN PENGKOMERSIALAN

Laporan Prestasi Projek



LAMPIRAN3

PEMANTAUAN GERAN Laporan Akhir Projek

